

18 JUN 2003

Umno-Wanita (Rafidah)

WANITA TUMPU TENAGA PASTIKAN PARTI MENANG BESAR - RAFIDAH

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Bagi mengekalkan iklim politik dan ekonomi negara terus didorong ke arah kemajuan, Wanita Umno akan menumpukan seluruh tenaganya untuk memastikan parti dan Barisan Nasional (BN) menang cemerlang dalam pilihan raya umum akan datang.

Ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz berkata rakyat perlu terus menyokong kerajaan BN yang ditunjangi Umno kerana ia telah terbukti mampu mempertahankan negara daripada apa jua cabaran.

Parti itu juga telah terbukti mampu menjaga kepentingan rakyat khususnya orang Melayu dan merealisasikan aspirasi mereka.

Katanya rakyat harus mengambil iktibar dari pencerobohan ke atas Iraq dan Afghanistan agar Malaysia tidak ditimpa nasib yang sama.

"Kekuatan kerajaan yang disokong teguh oleh rakyat akan membolehkan pemimpin negara menghadapi apa juga cabaran dan ancaman," katanya dalam ucapannya bertemakan "Berusaha Ke Arah Kemenangan," pada persidangan tahunan pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Rafidah berkata sebagai sayap parti terbesar, Wanita Umno mempunyai peranan dan tanggungjawab berat dalam menggerakkan jentera pilihan raya parti.

"Bagi Wanita, inilah prioriti utamanya hingga selesai pengundian. Kerja-kerja ini sewajarnya tidak perlukan publisiti atau apa-apa gimik. Bahkan ia memerlukan elemen rahsia dalam strateginya," katanya.

Beliau berkata peralihan kuasa Oktober ini perlu berjalan lancar supaya parti terus kukuh bagi realisasikan semua visi yang diasaskan oleh pemimpin-pemimpin parti terdahulu dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota Umno, khususnya Wanita, harus memberi sokongan dan kerjasama kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sama seperti kepada Dr Mahathir.

"InsyaAllah peralihan itu akan berlaku dengan teratur dan baik, dan bagi Wanita, sokongan tidak berbelah bahagi akan terus diberi kepada pucuk pimpinan baru seperti yang diberikan kepada Dr Mahathir," katanya.

Rafidah berkata Umno telah berjaya meninggikan taraf dan kedudukan orang Melayu dan komuniti Islam melalui pelbagai dasar dan program serta penerokaan baru dalam ekonomi berasaskan ilmu.

Katanya umat Islam di Malaysia beruntung berbanding saudara mereka di beberapa negara Asia Barat yang terus bersengketa dan menghadapi masalah keganasan hingga menyebabkan dibelenggu kemunduran.

Rafidah berkata Umno mempunyai tanggungjawab besar untuk memberikan penjelasan kepada rakyat terhadap pemesongan parti pembangkang yang menggunakan agama untuk mencapai matlamat politik mereka.

"Dalam keadaan tahap kematangan politik belum tinggi, amat mudah mempengaruhi masyarakat dengan pendekatan bercorak agama atau menyamakan Islam dengan menyokong sesebuah parti," katanya.

Rafidah kesal parti pembangkang menyogokkan fahaman politik benci dan pecah belah di Sekolah Agama Rakyat hingga melahirkan golongan pelampau.

Katanya dasar meritokrasi dalam pemilihan kemasukan pelajar ke institut pengajian tinggi bertujuan membudayakan kecemerlangan dan melahirkan kaum Bumiputera yang berdaya saing.

"Orang Melayu dan bumiputera wajar menjadikan meritokrasi sebagai tanda aras supaya budaya meminta diberi layanan khas dan bergantung kepada tongkat ekonomi atau economic crutches dapat dikikis," katanya.

Rafidah berkata orang Melayu dan Bumiputera tidak mempunyai apa-apa

kekurangan berbanding dengan kaum lain, kerana dengan usaha gigih mereka boleh menikmati kejayaan dalam setiap bidang yang diceburi.

-- BERNAMA

HS RAR ZS ROS